



NAMA : _____

KELAS : _____

UNIT PEPERIKSAAN

SMK JALAN TASEK, IPOH, PERAK.

KOD SEKOLAH: AEA 2051

UJIAN 1 SESI AKADEMIK 2023/2024

TINGKATAN 4

SEJARAH

TARIKH: 19 MEI 2023

MASA: 1 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **30** soalan objektif dan **dua** soalan struktur.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

KAWALAN MUTU KERTAS SOALAN		
KERTAS SOALAN INI	NAMA	T/TANGAN
Disediakan oleh	PN. NORHASIMAH BINTI ABDUL RAHIM	
Disemak oleh	PN. MANIMALA A/P SHANMUGAM	
Disahkan oleh	PN. RAJA HASNAH BT RAJA ABDULLAH	

4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

BAHAGIAN A (Jawab semua soalan)

1. Antara berikut yang manakah ciri negara bangsa Alam Melayu?

- A Raja C Permaisuri
B Istana D Srivijaya

2. Undang-undang berikut digunakan oleh sebuah kerajaan Alam Melayu.

Undang - undang Kutara Munawa

Apakah kerajaan tersebut?

- A Angkor
B Srivijaya
C Majapahit
D Gangga Negara

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa dalam kerajaan Alam Melayu

Apakah ciri tersebut?

x	Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja
---	--

- A Rakyat
B Wilayah pengaruh
C Kedaulatan
D Perlembagaan

4. Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang telah mewariskan ciri-ciri

negara bangsa kepada sebuah kerajaan kesultanan Melayu.

Apakah kerajaan tersebut?

- A Kedah C Pahang
B Melaka D Kelantan

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah bukti kewujudan ciri tersebut?

Kerajaan

- A Kewujudan raja
B Ketaatan rakyat
C Kewujudan pembesar
D Kemajuan perdagangan
6. Kerajaan China telah menghantar utusan yang diketuai Melayu Melaka.oleh Laksamana Cheng Ho ke Melaka. Apakah tujuan penghantaran utusan tersebut?
- A Mengeratkan hubungan
B Mengikat tali persaudaraan
C Menjalin kerjasama ekonomi
D Mengadakan pakatan ketenteraan

7. Maklumat berikut berkaitan dengan bidang tugas

Bendahara dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Bidang Tugas Bendahara

• Ketua Pentadbir Utama Bendahara • Penasihat Sultan

Antara berikut , manakah jawatan yang mempunyai persamaan dengan bidang tugas tersebut?

A Ketua Setiausaha Negara

B Yang di-Pertuan Agong

C Yang di-Pertuan Negeri

D Perdana Menteri

8. Tokoh berikut merupakan bendahara yang paling lama berkhidmat dalam Kesultanan Melayu Melaka

Bendahara Tun Perak

Apakah tugas beliau?

A Ketua turus angkatan tentera

B Panglima angkatan laut

C Pengurus kewangan

D Ketua Duta

9. Pembesar-pembesar berikut telah diberi tanggungjawab

yang sama oleh pemerintah Melaka.

• Pembesar daerah
• Syahbandar

Apakah tanggungjawab tersebut ?

A Mengendalikan urusan perdagangan

B Melaksanakan kutipan cukai

C Menyediakan tenaga kerja

D Menjaga kebajikan rakyat

10. Jadual berikut menunjukkan perbandingan tugas pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka dengan

pentadbir Malaysia

Ciri Perbandingan	Kesultanan Melayu Melaka	Malaysia
Jawatan	X	Menteri Kewangan
Bidang Tugas	Menguruskan perbendaharaan	Menguruskan kewangan kerajaan persekutuan

Apakah X?

A Penghulu Bendahari

B Pemungut Hasil

C Temenggung

D Syahbandar

11. Apakah bentuk hukuman yang diterima sekiranya mengingkari arahan Sultan Melaka?

A Denda

B Bunuh

C Penjara

D Buang Negeri

12. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka digubal berdasarkan dua teras.

Apakah teras tersebut?

I Syariah

II Hukum Adat

III Hukum Raja

IV Pantang Larang

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

13. Jadual berikut menjelaskan kandungan Fasal 30 Hukum Kanun Melaka

Fasal 30 Hukum Kanun Melaka
• Amalan riba diharamkan dalam perniagaan
• Orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli

Apakah yang dibuktikan melalui kandungan undangundang tersebut?

A Pemupukan nilai murni

B Penerapan unsur Islam

C Pengekalan budaya timur 38

D Pengamalan etika berniaga

14. Senarai berikut merupakan nakhoda-nakhoda Melaka

Apakah sumbangan nakhoda-nakhoda tersebut?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Nakhoda Diri• Nakhoda Jenal• Nakhoda Sahak |
|--|

A Menguruskan pelabuhan

B Menguasai ilmu pelayaran

C Menjaga kebajikan pedagang

D Menghasilkan undang – undang

15. Dalam Fasal 9 Undang-undang Laut Melaka, terdapat penegasan bahawa seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran.

Apakah tujuan penegasan tersebut?

A Menjamin keselesaan

B Memudahkan perjalanan

C Memastikan keselamatan

D Menunjukkan kewibawaan

16. Apakah tanggungjawab pembesar Melaka dalam sistem kerah?

A Mengutip cukai

B Menyediakan tentera

C Membekalkan makanan

D Menjalankan gotong royong

17. Apakah tujuan konsep berikut diwujudkan dalam

zaman Kesultanan Melayu Melaka?

Tulah

A Menghapuskan pengkhianat

B Mengelakkan penderhakaan

C Menghalang pencerobohan

D Menyekat kebebasan

18. Maklumat berikut berkaitan dengan waadat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun

Tokoh	Peranan
Sang Sapurba	Mewakili golongan pemerintah
Demang Lebar Daun	Mewakili golongan diperintah

Apakah kandungan waadat tersebut?

A Hubungan pemerintah dan rakyat

B Hubungan persahabatan

C Kerjasama pertahanan

D Pemupukan nilai murni

19. Bagaimanakah rakyat Melaka menunaikan tanggungjawabnya kepada pemerintah?

A Menghadiri majlis istana

B Memelihara keamanan

C Menjadi tentera

D Mengutip hasil

20. Senarai berikut merupakan jenis hamba yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka

Jenis Hamba di Melaka
• Hamba raja • Hamba berhutang • X

X ialah

A Hamba abdi

B Hamba biasa

C Hamba perang

D Hamba tawanan

21. Pernyataan berikut merupakan maksud nasionalisme yang diberikan oleh seorang tokoh sejarah.

Nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya.

Tokoh sejarah tersebut ialah

A Hans Kohn

B Dato' Onn Jaafar

C Dr. Burhanuddin al-Helmi

D Professor William R. Roff

22. Nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah ciri nasionalisme ketika itu?

A Kesetiaan kepada raja

- B Keinginan untuk merdeka
- C Memupuk perpaduan kaum
- D Mempertahankan adat resam

23. Apakah isu yang diperjuangkan dalam gerakan nasionalisme berikut?

- Revolusi Keagungan
- Revolusi Perancis

- A Menghalau kuasa asing
- B Menyekat kuasa pihak gereja
- C Menentang pemerintahan beraja
- D Menghapuskan golongan bangsawan

24. Maklumat berikut berkaitan dengan karya yang dihasilkan oleh John Locke

Two Treatises of Government

Apakah prinsip yang diperjuangkan dalam karya tersebut?

- A Raja berkuasa mutlak
- B Raja berperlembagaan
- C Keunggulan suara rakyat
- D Kedaulatan undang – undang

25. Senarai berikut merupakan akta-akta yang diperkenalkan oleh British di Amerika

- Akta Teh
- Akta Gula
- Akta Setem

Mengapakah British memperkenalkan akta tersebut?

- A Mengawal harga
- B Memungut cukai
- C Melindungi peniaga
- D Memajukan perdagangan

26. Revolusi Perancis 1789 teretus daripada idea nasionalisme yang diperjuangkan oleh ahli falsafah Perancis .

Apakah idea nasionalisme tersebut?

- I Persaudaraan
- III Perjuangan
- II Persamaan
- IV Perpaduan

A I dan II C II dan III

B I dan IV D III dan IV

27. Maklumat berikut berkaitan dengan revolusi yang berlaku di Barat pada abad ke -18

Tahun	Peristiwa
1789	Revolusi Perancis

Apakah kesan revolusi tersebut?

- A Permulaan sistem republik
- B Penyebaran ideologi komunis
- C Pengukuhan kuasa golongan raja
- D Pengekalan kuasa golongan bangsawan

28. Senarai berikut merupakan pertubuhan semasa gerakan nasionalisme awal di India.


- Brahmo Samai

• Arya Samai

Apakah sumbangan pertubuhan tersebut?

- A Mempertahankan budaya tempatan
- B Memperjuangkan kemerdekaan
- C Memajukan pendidikan moden
- D Meningkatkan persaudaraan

29. Bagaimanakah tokoh berikut melakukan penentangan terhadap British di India?



Mahatma Ghandi

- A Menggerakkan perjuangan secara militan
- B Mengamalkan dasar tidak bekerjasama
- C Melakukan pemberontakan bersenjata
- D Menyokong ideologi komunis

30. Mengapakah masyarakat China hilang kepercayaan terhadap pemerintahan Dinasti Manchu?

- A Tidak mempunyai pentadbir berkelayakan
- B Gagal menghalang pengaruh Barat
- C Gagal menangani masalah rasuah
- D Tidak menjaga kebajikan rakyat

BAHAGIAN B (Jawab semua soalan)

1. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai system pentadbiran yang lengkap dan teratur. Sistem pentadbiran yang tersusun ini dikenali sebagai Sistem Pembesar Empat Lipatan

a) Namakan dua jawatan Pembesar Berempat dalam sistem pentadbiran tersebut.

i) _____

ii) _____

(2 markah)

b) Jelaskan sistem pentadbiran peringkat pusat dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

(4 markah)

c) Kebijaksanaan pemerintah menjadikan Kesultanan Melayu Melaka maju dan makmur. Buktikan.

(4 markah)

2. Gerakan Nasionalisme yang berlaku di Negara Barat telah mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara termasuklah di negara kita.

a) Apakah maksud nasionalisme?

(2 markah)

b) Jelaskan faktor tercetusnya gerakan nasionalisme berikut:

i) Revolusi Keagungan (1688)

(2 markah)

ii) Revolusi Amerika (1776)

(2 markah)

c) Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda mengambil kesedaran daripada tafsiran nasionalisme.

(4 markah)

